

ORIGINAL ARTICLE



**PENGHASILAN TANAMAN TAUGEH  
MENGUNAKAN SISTEM SIRAMAN AUTOMATIK  
UNTUK PELAJAR-PELAJAR PENDIDIKAN KHAS  
MASALAH PEMBELAJARAN KEFUNGSIAN RENDAH  
DI SMK DATUK HAJI ABDUL WAHAB**

**THE PRODUCTION OF BEAN SPROUT WITH  
AUTOMATIC SPRAYING SYSTEM FOR LOW  
FUNCTIONING SPECIAL NEEDS STUDENTS IN SMK  
DATUK HAJI ABDUL WAHAB**

**Shyielathy Arumugam<sup>1</sup>  
Wan Syarifah Amin Wan Ahmad<sup>2</sup>  
Nor Sakinah Shahrudin<sup>3</sup>**

<sup>1</sup> Guru Pendidikan Khas, SMK Datuk Haji Abdul Wahab, Kementerian Pendidikan Malaysia / Special Education Teacher, SMK Datuk Haji Abdul Wahab, Ministry of Education.

Email: [shyielathy@gmail.com](mailto:shyielathy@gmail.com)

<sup>2</sup> Guru Pendidikan Khas, SMK Datuk Haji Abdul Wahab, Kementerian Pendidikan Malaysia / Special Education Teacher, SMK Datuk Haji Abdul Wahab, Ministry of Education

Email: [wsa\\_pah@yahoo.com](mailto:wsa_pah@yahoo.com)

<sup>3</sup> Guru Pendidikan Khas, SMK Datuk Haji Abdul Wahab, Kementerian Pendidikan Malaysia / Special Education Teacher, SMK Datuk Haji Abdul Wahab, Ministry of Education

Email: [kinahshahrudin@gmail.com](mailto:kinahshahrudin@gmail.com)

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/63>

**Abstrak**

Tujuan kajian tindakan ini adalah untuk mengenalpasti keberkesanan aktiviti penanaman taugeh yang menggunakan kaedah siraman automatik untuk pelajar-pelajar pendidikan khas kefungsi rendah di Program Pendidikan Khas Integrasi Smk Datuk Haji Abdul Wahab. Sampel kajian melibatkan 12 orang pelajar kefungsi rendah yang dikenal pasti melalui ujian diagnostik pendidikan khas. 12 orang pelajar ini tidak menguasai 3M berdasarkan kepada keputusan ujian diagnostik tersebut. Oleh itu, projek penanaman taugeh siraman automatik ini diperkenalkan melalui kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan menggunakan elemen seperti gambar, video dan pemerhatian. Projek ini telah dilaksanakan selama 5 bulan dan berjaya menuai hasil sebanyak

10 kali. Sebagai permulaan, sasaran pembeli adalah warga sekolah dan sekolah-sekolah yang berhampiran. Dapatan tinjauan kepuasan pembeli menunjukkan majoriti pembeli bersetuju bahawa taueh yang dihasilkan bersih, harga berpatutan, berkualiti dan memenuhi citarasa. Projek di cadangkan untuk dikembangkan bagi pasaran lebih luas lagi.

**Kata Kunci:** Tanaman Taugeh, Masalah Pembelajaran, Kefungsian Rendah.

### Abstract

This action research is to identify the effectiveness of the activity bean sprout growing by the automatic spraying system for students with special needs who are in the low functioning category in Smk Datuk Haji Abdul Wahab. The research sample of this study are 12 students low functioning students identified by the diagnostic test. The teaching and learning process of this activity was conducted with teaching tools such as pictures, videos and observation. This activity project was carried out for the last 5 months and 10 times of harvest. At the ininitial stage, the bean sprouts were sold to the school teachers and several other schools nearby. Findings from the consumer survey reports that the majority of the respondents agrees that the bean sprout is fresh, reasonable price, high quality and satisfying. This project is suggested to be expended in a larger scale.

**Keywords:** Bean sprout growing, learning problem, low functioning category

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 2<sup>nd</sup> January 2020, revised 17<sup>th</sup> January 2020, accepted 1<sup>th</sup> February 2020

## Pendahuluan

Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan pendidikan (Pendidikan Khas, 2013) Bahagian 3, “Pendidikan Khas” adalah pendidikan untuk murid-murid bekeprluan khas yang menerima pendidikan setara dengan keupayaan mereka di mana-mana sekolah pendidikan khas, program pendidikan integrasi atau progarm pendidikan inklusif samaada di sekolah kerajaan mahupun swasta. Murid-murid yang dikategorikan sebagai pendidikan khas perlu mempunyai rujukan dan pengesahan pakar perubatan kanak-kanak (Siti Nor Idayu Mohd Nassir, 2016)<sup>1</sup>. Di Malaysia, Murid Berkeperluan Khas (MBK) boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu MBK Bermasalah Pembelajaran, Bermasalah Pendengaran dan Bermasalah Penglihatan. Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) menjelaskan bahawa MBK Bermasalah Pembelajaran mempunyai nisbah pelajar yang paling tinggi di Malaysia (Ab Aziz Sulaiman & Siti Rubiyani Omar, 2018)<sup>2</sup>. Pendidikan khas

di sekolah menengah khususnya di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) adalah lebih kepada menyediakan murid-murid ke arah kerjaya dalam jangkamasa 6 hingga 7 tahun. Konsep transisi kerjaya telah diperkenalkan oleh Madeline Will daripada Pejabat Pemulihan dan Pendidikan Khas Persekutuan (*OSERS*) (Madinah Mohd Yusof et al., 2014)<sup>3</sup>. Pendidikan berbentuk kerjaya adalah amat penting untuk murid-murid bekeperluan khas menjalani kehidupan berkerjaya selamat tamat persekolahan. Pengajaran program kerjaya juga perlu sesuai dan bermakna dengan mengambilkira tahap kesediaan dan keupayaan murid-murid. Oleh yang demikian, tinjauan dan perancangan yang teliti harus dibuat oleh pihak sekolah tentang jenis-jenis program transisi kerjaya yang ditawarkan kepada murid-murid. Bagi memenuhi keperluan pendidikan kerjaya di Sekolah Menengah Datuk Haji Abdul Wahab, penanaman taueh secara siraman automatic telah diperkenalkan kepada 10 orang murid bekeperluan khas kefungsi rendah.

### **Latar Belakang Kajian**

Projek Panaman Taueh ini adalah satu kaedah tanaman secara TIMER yang dijalankan sebagai satu sesi pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar-pelajar bekeperluan khas kefungsi sederhana dan rendah di Program Pendidikan Khas SMK Datuk Haji Abdul Wahab (SMKDHAW). Setiap 2 kg kacang akan menghasilkan 15 kg taueh yang akan dipasarkan di sekitar sekolah, sekolah-sekolah dan warung-warung makan yang berhampiran. Penanaman ini dijalankan 4 kali dalam sebulan dan ditambah mengikut permintaan pasaran. Projek ini merentas Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas Kefungsi Sederhana (Pekerjaan Am Tanaman) yang dijalankan di PPKI SMKDHAW.

### **Isu Dan Fokus Kajian**

Di Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Haji Abdul Wahab, terdapat ramai murid yang berkefungsi rendah. Murid kefungsi rendah bermaksud, murid-murid yang tidak dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) atau menguasai 3M di tahap yang minima. Di samping itu, terdapat juga murid-murid yang lemah dari segi motor halus, motor kasar dan kognitif yang memerlukan bantuan sederhana besar sepanjang masa. Kekangan ini menyebabkan mereka tidak dapat menguasai kemahiran-kemahiran kerja lain yang mempunyai peringkat-peringkat pelaksanaan yang rumit. Terdapat juga di antara murid-murid ini yang mengalami kelewatan pertuturan dan sosialasi. Oleh itu, cadangan memperkenalkan projek penanaman taueh secara siraman automatic amat wajar memandangkan proses semaian dan tuaian yang agak mudah dan ringkas.

### **Objektif Kajian**

1. Meneroka kaedah pengajaran pelaksanaan Penanaman Taugeh yang sesuai untuk murid-murid pendidikan khas kefungsian rendah berdasarkan aktiviti persediaan pengalaman kerjaya.
2. Meninjau persepsi pengguna terhadap pengeluaran produk makanan Taugeh yang dihasilkan.

### **Persoalan Kajian**

1. Apakah satu kaedah pengajaran pelaksanaan yang sesuai untuk murid-murid bekeperluan khas mempelajari pelaksanaan projek penanaman taugeh siraman automatik?
2. Apakah persepsi pengguna terhadap pengeluaran produk makanan Taugeh yang dihasilkan?

### **Sampel Kajian**

Seramai 12 orang murid yang dipilih untuk menyertai projek penanaman taugeh dan 58 orang pengguna telah menyertai tinjauan kepuasan pengguna. Sample kajian murid telah dipilih melalui ujian diagnostik yang mengukur kemahiran 3M murid-murid. Manakala sample pengguna pula terdiri daripada warga guru-guru di sekolah, sekolah sekitar dan penjual-penjual warung di kawasan sekitarnya.

### **Methodologi Kajian**

Kajian tindakan ini menggunakan dua metodologi yang berbeza untuk mengukur persoalan kajian.

### **Kaedah Pemerhatian Berterusan**

Kajian kes ini menggunakan kaedah pemerhatian untuk melihat keberkesanan pendekatan gambar dan video pelaksanaan taugeh yang direka bentuk khas untuk murid-murid ini. Selain itu, ujian pengukuran kefahaman juga telah dibentuk untuk menilai tahap pemahaman murid-murid yang telah mengikuti sesi PdPc. Seramai 12 orang murid bekeperluan telah dipilih untuk aktiviti ini.

## **Kaedah Tinjauan**

Di peringkat kedua pula, kaedah tinjauan telah dijalankan untuk melihat tahap kepuasan pengguna terhadap produk makanan pengeluaran taueh Wahab ini. Seramai 63 pengguna telah melengkapkan soal selidik kepuasan pengguna melalui google form.

## **Instrumen Kajian**

### **Senarik Semak Pemerhatian dan Ujian Pengukuhan**

Bagi menjawab persoalan kajian yang pertama, senarai semak pemerhatian telah digunakan untuk menilai keberkesanan menggunakan kaedah gambar dan video pengajaran penanaman taueh kepada murid-murid keperluan khas. Tempoh pengajaran telah dilaksanakan dalam 4 sesi PDPC. Senarai semak penguasaan langkah-langkah tanaman taueh telah direka bentuk untuk menilai tahap kefahaman murid-murid terhadap langkah – langkah yang diajar melalui gambar dan video. Ujian pengukuhan dalam bentuk menyusun gambar-gambar langkah pelaksanaan penanaman taueh telah diberi kepada sampel murid yang terlibat. Sebanyak 11 gambar pengukuhan telah disediakan di dalam ujian pengukuhan ini. Murid perlu menyusun gambar-gambar mengikut langkah awal sehingga langkah terakhir. Seterusnya ujian pengukuhan ini telah diberi kepada setiap pelajar sebagai manual rujukan untuk disimpan.

### **Soal Selidik Tinjauan Kepuasan Pengguna.**

Bagi menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu, menilai tahap kepuasan pengguna produk makanan taueh, soal selidik secara tinjauan telah dilaksanakan melalui google form. Soal selidik ini mempunyai 6 item untuk dijawab dan diedarkan melalui talian di kumpulan whatsapp. Sampel kajian telah diberi masa selama 2 minggu untuk menjawab soal selidik ringkas ini. Dapatan kajian telah dianalisa dengan pencarian peratus kepuasan dalam kalangan pengguna atau pembeli.

## **Teori Kajian**

Kajian ini adalah berlandaskan teori “Learn by Doing” atau “ Experiential Learning” oleh John Dewey. Teori ini berpegang kepada konsep bahawa murid-murid lebih fokus, mengamat, mengingati dan mengimbas kembali pembelajaran apabila ada pengalaman dan interaksi secara langsung dengan aktiviti tersebut (Aliya Sikandar, 2015; Kandan Talebi, 2015)<sup>4,5</sup>. Teori ini juga mempunyai kesamaan dengan pendapat Albert Bandura yang mengutarakan pembelajaran secara pengamatan, “ Observational Learning”. Ia bermaksud pembelajaran berlaku secara pengamatan daripada persekitaran (Bandura, 1977)<sup>5</sup>. Pembelajaran secara pengalaman memberi peluang kepada murid-murid untuk memikirkan solusi jika timbul kekangan dalam proses pembuatan. Oleh

itu, teori pembelajaran “Learn by Doing” ini amat sesuai sebagai asas pelaksanaan kaedah pembelajaran pelaksanaan penanaman taueh di dalam kajian ini.

## Perancangan Tindakan

### Asas Pemilihan Produk

Tanaman taueh ini dipilih kerana ia hanya menggunakan kos yang rendah, mudah dikendalikan dan boleh mengalakkan pelajar ke arah keusahawanan. Selain itu, kaedah penanaman yang ringkas ini sesuai untuk diajar kepada 12 orang pelajar PPKI SMKDHAW yang mempunyai kefungsiian sederhana dan rendah. Peringkat-peringkat penanaman yang boleh ditunjukkan oleh guru melalui video dan gambar visual memudahkan pelajar-pelajar ini faham kerana kebanyakan daripada mereka tidak boleh membaca.

### Modal Awal Projek

Bahan-bahan dan peralatan.

Jadual 1

*Peralatan Penanaman Taueh*

Bil	Peralatan	Kuantiti	Jumlah (RM)
1.	Tong penanaman	4	RM 40.00
2.	Piping system	2	RM 50.00
3.	AC Water Valve	2	RM 30.00
4.	Pelaras masa	2	RM 15.00
6.	Baja Siako dan Santoso	20kg	RM 90.00
7.	Kacang Hitam	2kg	RM 18.00
8.	Besen Hitam	3	RM 18.00
9.	Baldi	3	RM 12.00
10.	Bakul Penapis	3	RM 3.00
11.	Plastis Pembungkusan (100 keping)	1 peket	RM 12.00
12.	Kos pemasangan paip		RM 60.00
		<b>Jumlah</b>	<b>RM 350.00</b>

**Kos penanaman setiap pengeluaran.**

Sumber kewangan untuk projek ini telah diperolehi daripada Kerajaan Negeri Perak untuk pelajar-pelajar berkeperluan khas.

Jadual 2

*Kos Penanaman Setiap Pengeluaran*

<b>Bil</b>	<b>Bahan-bahan</b>	<b>Kuantiti</b>	<b>Harga seunit (RM)</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
1	Kacang hitam	2 kg	3.40	6.80
2	Siako	80mg	4.50 per kg	0.36
3	Santoso	8ml	90.00 per liter	0.90
4	Air	135 liter	1.00 per 1.0m <sup>3</sup>	0.14
<b>Jumlah</b>				8.20

**Pelan Pelaksanaan Dan Kejayaan****Pelaksanaan**


Jadual 3

*Pelan Tindakan Untuk Menjayakan Projek Taugeh*

<b>Tarikh</b>	<b>Pelan Pelaksanaan</b>
<b>9/09/2019- 16/09/2019</b>	Semua ahli kumpulan diberi pendedahan dan latihan mengenai projek taugeh (bahan mentah, alatan, urutan proses, penjagaan/penyiraman, pembungkusan dan pemasaran).
<b>23/09/2019- 27/09/2019</b>	Latihan praktikal/amali yang pertama dijalankan untuk meningkatkan kemahiran dalam aspek pemprosesan taugeh dengan bimbingan guru penasihat. Penanaman dimulakan dengan 2 tong taugeh.
<b>30/09/2019- 04/10/2019</b>	Latihan praktikal/ amali yang kedua.
<b>07/10/2019-11/10/2019</b>	Latihan praktikal/ amali yang ketiga.
<b>25/11/2019</b>	Postmortem and penambahbaikkan.
<b>6/01/2020</b>	Tong penanaman telah ditambah.

**Proses pengeluaran/ perkhidmatan.**

**Carta Aliran Produk:**



*Rajah 1:* Carta aliran produk



## Strategi Pemasaran

### Produk- Kualiti

Bagi menghasilkan taueh yang berkualiti, hormon sontoso yang digunakan meningkatkan percambahan dan memendekkan akar. Manakala serbuk Siako berfungsi untuk meninggikan serapan air yang menjadikan taueh segar dan juga memudahkan kulit kacang tertanggal. Dengan menggunakan kedua-dua bahan ini maka taueh yang terhasil adalah tinggi kualitinya dan tidak mudah rosak. Selain itu produk yang akan dipasarkan tidak dibasuh untuk mengekalkan kualitinya.

### Pembungkusan

Memandangkan produk ini merupakan kategori sayuran yang mudah layu, maka kami memudahkan proses pembungkusan supaya produk dapat dipasarkan segera.

### Harga- Strategi penentuan harga, kos pengeluaran

Kami menetapkan harga berdasarkan tinjauan harga pasaran semasa produk. Manakala kos bahan mentah dan kos pengeluaran dapat diminimumkan dengan cara mendapatkan harga paling rendah untuk bahan mentah dan lain-lain keperluan. Buat masa ini harga pasaran taueh adalah RM 1.50 untuk 1 kg Taueh.

### Promosi- cara dan keberkesanan promosi

Promosi dijalankan dengan cara poster, e- poster, pemberitahuan melaluan whatsapp, promosi di Facebook PPKI SMKDHAW, edaran risalah dan promosi semasa perhimpunan rasmi sekolah.

### Unjuran Pendapatan- Sasaran Pulangan

Memandangkan tempoh persekolahan adalah mencakupi 40 minggu, maka menganggarkan 20 minggu adalah tempoh yang diperuntukkan sebagai minggu penghasilan taueh (20 kali penghasilan taueh setahun).

## 1 KG BENIH MENGHASILKAN 7 KG TAUEH SEGAR

Jadual 4

*Berdasarkan Harga Jualan RM1.50/Kg*

Bil.	Jualan	Harga Jualan	Kos penghasialan	Unjuran Pendapatan
1	7KG Taueh x Rm1.50	RM 10.50	RM 4.80	RM 5.70

**10 KG BENIH MENGHASILKAN 70 KG TAUGEH SEGAR**

Jadual 5

*Berdasarkan Harga Jualan RM1.30/Kg*

<b>Bil.</b>	<b>Harga Jualan</b>	<b>Harga Jualan</b>	<b>Kos penghasialan</b>	<b>Unjuran Pendapatan</b>
1	70KG Taugeh x Rm1.30	RM 91.00	RM 39.30	RM 51.70

**100 KG BENIH MENGHASILKAN 700 KG TAUGEH SEGAR**

Jadual 6

*Berdasarkan Harga Jualan RM1.10/Kg*

<b>Bil.</b>	<b>Harga Jualan</b>	<b>Harga Jualan</b>	<b>Kos penghasialan</b>	<b>Unjuran Pendapatan</b>
1	700KG Taugeh x Rm1.10	RM 379.00	RM 379	RM 391.00

**1000 KG BENIH MENGHASILKAN 7000 KG TAUGEH SEGAR**

Jadual 7

*Berdasarkan Harga Jualan RM 0.90/Kg*

<b>Bil.</b>	<b>Harga Jualan</b>	<b>Harga Jualan</b>	<b>Kos penghasialan</b>	<b>Unjuran Pendapatan</b>
1	7000KG Taugeh x Rm 0.90	RM 6300.00	RM 3780.00	RM 2520

**Kuasa Beli**

Kuasa beli terhadap produk ini adalah tinggi kerana selain daripada penggunaan individu permintaan yang tinggi daripada warung-warung makanan di sekitarnya. Taugeh yang dikeluarkan diminati oleh pembeli individu dan peniaga-peniaga warung kerana keaslian tanpa bahan pengawet.

## Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini telah dilapor mengikut persoalan kajian.

### Persoalan Kajian 1:

*Apakah satu kaedah pengajaran pelaksanaan yang sesuai untuk murid-murid bekeperluan khas mempelajari pelaksanaan projek penanaman taugeh siraman automatik?*

Pembelajaran murid-murid didalam kelas dengan menggunakan kaedah gambar dan video telah dilaksanakan dalam 4 sesi pembelajaran teori dan amali. Dapatan kajian pemerhatian adalah seperti berikut.

## Dapatan Kajian Pemerhatian

Jadual 8

*Dapatan Kajian Pemerhatian*

Tarikh	Pelan Pelaksanaan	Dapatan Pemerhatian	Dapatan ujian pengukuhan
9/09/2019-16/09/2019	Semua murid diberi pendedahan dan latihan mengenai projek taugeh (bahan mentah, alatan, urutan proses, penjagaan/penyiraman, pembungkusan dan pemasaran).	Murid-murid memahami proses penanaman setelah melalui kaedah pengulangan. Murid-murid dapat mencerritakan proses penanaman secara ringkas dengan berpandukan gambar-gambar yang diberi.	Murid- murid dapat menyusun 11 gambar-gambar langkah pelaksanaan dengan bimbingan guru.
23/09/2019-27/09/2019	Latihan praktikal/amali yang pertama	Murid dapat menjalankan langkah-langkah penanaman dengan dengan bimbingan sederhana besar daripada guru.	Murid- murid dapat menyusun 11 gambar-gambar langkah pelaksanaan dengan bimbingan guru.
30/09/2019-04/10/2019	Latihan praktikal/ amali yang kedua.	Murid dapat mengikuti dan melaksanakan langkah-langkah penanaman dengan	Murid- murid dapat menyusun 11 gambar-gambar langkah pelaksanaan dengan sendiri. Kemudian kertas

		bimbingan separa daripada guru.	ujian pengukuhan ini telah diberikan kepada setiap pelajar sebagai manual rujukan.
07/10/2019-11/10/2019	Latihan praktikal/ amali yang ketiga.	Murid-murid dapat melaksanakan langkah-langkah penanaman dengan bimbingan ringan daripada guru.	Murid- murid telah berjaya melaksanakan langkah-langkah penanaman taueh tanpa rujukan manual.

### Jadual 9

#### *Dapatan Hasil Tuaian Projek Penanaman Taueh*

<b>Tarikh</b>	<b>Hasil Tuaian.</b>
14/10/2019-18/10/2019	Penghasilan taueh yang pertama.
21/10/2019- 24/10/2019	Penghasilan taueh yang kedua
4/11/2019-14/11/2019	Penghasilan taueh yang ketiga
18/11/2019- 21/11/2019	Penghasilan taueh yang keempat.
13/01/2020	Penghasilan Taueh yang Kelima.
20/01/2020	Penghasilan Taueh yang Keenam
27/01/2020	Penghasilan Taueh yang Ketujuh
3/02/2020	Penghasilan Taueh yang Kelapan.
10/02/2020	Penghasilan Taueh yang Kesembilan.
17/02/2020	Penghasilan Taueh yang Kesepuluh.

Dapatan kajian pemerhatian ini menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran secara “Learn by Doing” dan “Observational Learning” melalui pendekatan gambar, video dan pengulangan membantu murid-murid menguasai langkah-langkah pelaksanaan penanaman taueh. Dapatan ini selaras dengan pandangan teori pendidikan yang diutarakan oleh John Dewey dan Albert Bandura.

### **Persoalan Kajian 2**

*Apakah persepsi pengguna terhadap pengeluaran produk makanan Taueh yang dihasilkan?*

Di dalam seksyen ini, 6 soalan bersama respon skala likert telah diberikan kepada sampel kajian. Data telah dianalisa secara peratus kesepakatan untuk setiap sub-item. Untuk sub-item kekerapan pembelian taueh oleh sampel kajian, 36.5% sampel kajian membeli dan menggunakan produk taueh dengan kerap. Manakala 36.5% lagi membeli dan menggunakan taueh dengan selalu dan hanya 1.6% sahaja yang tidak pernah membeli produk makanan ini. Seterusnya, bagi sub-item

kedua pul, faktor -faktor yang mendorong pembelian taugeh telah dianalisa. Antara beberapa faktor yang telah diberi pilihan dalam soal selidik adalah seperti, kebersihan, harga berpaputan, sedap dan berkualiti. Analisa didapati, sebanyak 63.5% sampel telah menyatakan kesemua faktor di atas yang mendorong mereka meneruskan penggunaan taugeh yang dihasilkan. Jika dianalisa secara berasingan untuk setiap faktor, sebanyak 61.9% sampel bersetuju yang taugeh yang dihasilkan bersih dan sedia untuk dimasak. Begitu juga dengan faktor harga, 66.7% berpendapat harga taugeh yang dijual adalah berpaputan dengan harga pasaran luar. Pada masa yang sama, dari segi kualiti seramai 68.3% bersetuju bahawa taugeh yang dihasilkan mempunyai tahap kepuasan penggunaan yang tinggi. Akhir sekali, majoriti iaitu seramai 77.8% sampel bersetuju supaya projek penanaman taugeh Wahab ini diteruskan. Hasil dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan penanaman taugeh Wahab ini mendapat sambutan yang tinggi dalam kalangan pengguna yang terdiri daripada warga guru dan staf sekolah serta pembeli-pembeli lain di kawasan sekitarnya.

### **Refleksi Kajian**

Produk yang dihasilkan sepenuhnya oleh 12 orang murid PPKI SMKDHAW bermula dari bahan mentah hingga terhasilnya produk dan dipasarkan tanpa bergantung kepada pihak lain. Projek ini dapat membimbing murid menjadi seorang usahawan/berdikari apabila tamat persekolahan. Selain itu, projek ini dapat melatih murid dalam berkomunikasi dan mendisiplinkan diri dalam aspek pengurusan masa serta bertanggungjawab. Produk yang dihasilkan akan dapat memberi saingan kepada pengeluar taugeh yang lain berdasarkan proses pengeluaran dan pemasaran yang cepat dan segar. Dengan adanya projek ini maka murid pelbagai kategori berkeperluan khas akan memahami bagaimana untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya bertunjangan sikap bertanggungjawab, berusaha gigih tanpa mengenal putus asa serta disiplin diri.

### **Penutup**

Di masa yang akan datang, cadangan untuk mengembangkan projek ini dengan penambahan tong-tong semaian adalah amat digalakkan. Pasaran juga perlu dikembangkan supaya dapat memenuhi permintaan luar seperti warung-warung makanan disekitar daerah Kuala Kangsar.

### **Rujukan**

1. Siti Nor Idayu Mohd Nassir. (2016). *Pelaksanaan Program Transisi Kerjaya (PTK) Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Masalah Pembelajaran (MP) Siti Nor Idayu Binti Mohd Nassir*. Universiti Tun Hussein Onn.

2. Ab Aziz Sulaiman, & Siti Rubiyani Omar. (2018). *Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif Bagi Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran di Malaysia: Satu Tinjauan*. (pp. 15–16).
3. Madinah Mohd Yusof, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Safani Bari, Wan Siti Zuraida Mohd Zain, Sazali Karli, & Nooraini Hassan. (2014). *Jurnal Penyelidikan Pendidikan 2014*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan, (Smpkv 2005).
4. Aliya Sikandar. (2015). John Dewey and His Philosophy of Education. *Journal of Education and Educational Development*, 2(2), 191–201.
5. Kandan Talebi. (2015). Philosopher and Educational Reformer. *European of Education Studies*, 1(1), 1–13.
6. Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. New Jersey: Prentice- Hall.